

BAB 1 WARISAN NEGARA BANGSA

Soalan Objektif.

Jawab semua soalan.


1. Apakah kepentingan kemunculan kerajaan berikut di Alam Melayu?

- Funan
- Champa
- Kedah Tua

- A Ajaran agama Islam
 B Asas negara bangsa
 C Amalan pemerintahan demokrasi
 D Agihan kuasa antara pemimpin

Buku teks, mukasurat 4

2. Rajah berikut menunjukkan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.



Apakah X?

- A Kerajaan
 B Kedaulatan
 C Wilayah pengaruh
 D Lambang kebesaran

Buku teks, mukasurat 4

3. Gambar 1 berkaitan dengan inskripsi Telaga Batu.



Gambar 1

(Sumber :Buku Teks Sejarah , Tingkatan 4. Ms 4)

Mengapakah inskripsi Telaga Batu tersebut dianggap penting dalam Kerajaan Srivijaya?

- A Persetiaan pemerintah dengan golongan diperintah
- B Pusat penyebaran agama Hindu – Buddha
- C Penaklukan seluruh Alam Melayu
- D Pengaruh amalan Hindu-Buddha

Buku teks, mukasurat 6

4. Antara berikut, yang manakah merupakan rakyat Melaka?

- I Orang Minang
- II Orang Arab
- III Orang Laut
- IV Orang Melayu

Buku Teks, ms 6

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5. Apakah kesan hubungan timbal balik antara rakyat dan raja dalam Kesultanan Melayu Melaka?

- A Mewujudkan ketaatan golongan diperintah kepada golongan pemerintah
- B Menyebabkan rakyat takut menderhaka kepada raja
- C Menyebabkan rakyat berhat-hati berinteraksi dengan raja
- D Mewujudkan persefahaman antara golongan pemerintah dan golongan diperintah

Buku teks, mukasurat 6

6. Maklumat berikut berkaitan wilayah pengaruh Kesultanan Melayu Melaka.

- Keseluruhan pantai timur Sumatera
- Keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu

Bagaimanakah wilayah tersebut diperoleh?

- I Penaklukan
- II Perkahwinan
- III Perdagangan
- IV Pertembungan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku teks, ms 7

7. Pentadbiran pusat dilaksanakan oleh Pembesar Berempat yang diketuai oleh Bendahara. Manakah yang berikut tugas Bendahara?

- I Ketua turus angkatan tentera
- II Menjaga keselamatan kota
- III Panglima angkatan laut
- IV Pemangku sultan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku teks, ms 9

8. Bagaimanakah undang-undang bertulis Kesultanan Melayu Melaka digubal?

- A Berdasarkan titah perintah sultan
- B Berasaskan Syariah dan hukum adat
- C Berlandaskan cadangan pembesar Melaka
- D Berpandukan perundangan kerajaan Srivijaya

Buku teks, muka surat 10

9. Mengapakah undang-undang keluarga diberi perhatian dalam Hukum Kanun Melaka?

- A Mengukuhkan penyebaran agama Islam
- B Menjamin kelancaran sistem pentadbiran
- C Mengelakkan penindasan terhadap rakyat
- D Mewujudkan keharmonian dalam keluarga

Buku teks, muka surat 10

10. Maklumat berikut berkaitan dengan Fasal 9.

Sekiranya malim lalai dalam menjalankan tugas sehingga menyebabkan pelanggaran dan kerosakan, dia akan dijatuhi hukuman bunuh.

Mengapakah hukuman berat tersebut dijatuhkan kepada malim?

- A Memastikan tidak ada kerugian
- B Memastikan pelayaran selamat
- C Menjaga kepentingan peniaga
- D Menjaga kepentingan sultan

Buku teks, muka surat 11

11. Apakah konsep yang tepat berkaitan hubungan secara timbal balik antara pemerintah dan rakyat di Kesultanan Melayu Melaka?

- A Tulah
- B Waadat
- C Wazarah
- D Daulat

Buku teks, muka surat 12

12. Maklumat berikut merupakan peranan pembesar di Kesultanan Melayu Melaka.

Mengutip hasil

Bagaimanakah kutipan hasil tersebut dilakukan?

- A Sistem titah
- B Sistem kerah
- C Sistem serah
- D Sistem paksa

Buku teks, mukasurat 12

13. Mengapakah rakyat tidak berani menderhaka kepada Sultan Melaka?

- A Dijadikan sebagai hamba
- B Dijauhkan hukuman berat
- C Ditimpa dengan kecelakaan
- D Dianggap sebagai pengkhianat

Buku teks, mukasurat 13

14. Hamba merupakan golongan terbawah dalam hierarki masyarakat Melayu.
Manakah antara berikut dalam kategori hamba?

- I Hamba raja
- II Hamba bebas
- III Hamba pembesar
- IV Hamba berhutang

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

Buku teks, ms 13

15. Petikan berikut berkaitan dengan hubungan pemerintah dan rakyat.

Rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon: jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya.

Sumber : Buku Teks Sejarah Tingkatan 4

Apakah peribahasa yang boleh dikaitkan dengan petikan tersebut?

- A Umpama aur dengan tebing
- B Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya
- C Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh
- D Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan

Buku teks, muka surat 13

Soalan struktur.**Jawab semua soalan.****1.1 Latar Belakang Negara Bangsa Sebelum Kedatangan Barat (ms 4, Bulu teks)**

1. Sebelum kedatangan Barat, asas negara telah bermula dengan kemasyhuran kerajaan Alam Melayu .

(a) Nyatakan tiga ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.

.....

.....

.....

[3 markah]

(b) Huraikan salah satu ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu di (a)

.....

.....

.....

[3 markah]

(c) Pada pandangan anda, mengapakah ciri-ciri negara bangsa tersebut penting pada masa kini?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

1.2 Ciri-ciri Negara dan Bangsa Kesultanan Melayu Melaka/ (ms 6-9 Buku Teks)

2. Wilayah pengaruh yang luas membuktikan kewibawaan pemerintah dalam Kesultanan Melayu Melaka.



Empayar Kesultanan Melayu Melaka

- (a) Senaraikan wilayah-wilayah yang diperolehi Kerajaan Melayu Melaka sebagai Wilayah Taklukan.

.....

.....

[2 markah]

- (b) Nyatakan cara Kesultanan Melayu Melaka mendapat status Wilayah Naungan.

.....

.....

[2 markah]

- (c) Jelaskan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka di peringkat jajahan.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (d) Pada pendapat anda, wajarkah peluasan wilayah pengaruh diteruskan pada masa kini?

.....

.....

.....

.....

[3 markah]


Soalan esei.

1.3 Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-Undang (ms 8-11, Buku Teks)

1. Undang-undang Melaka terdiri daripada Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.
 - (a) Apakah kepentingan undang-undang dalam Kesultanan Melayu Melaka? [4 markah]
 - (b) Jelaskan isi kandungan Hukum Kanun Melaka dari aspek peranan sultan dan kekeluargaan. [8 markah]
 - (c) Mengapakah Undang-undang laut Melaka penting kepada para pedagang dan pelayar? [8 markah]

1.4 Peranan pemerintah dan Rakyat (ms 12-13 , Buku Teks)

2. Rajah berikut berkaitan dengan pembahagian masyarakat dalam Kesultanan Melayu Melaka.



- (a) Nyatakan peranan sultan dalam Kesultanan Melayu Melaka.[4 markah]
- (b) Jelaskan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh golongan rakyat. [8 markah]
- (c) Golongan pemerintah dan golongan yang diperintah perlu berbaik-baik antara satu sama lain.
Berikan hujah anda. [8 markah]